



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Akademik **secara tetap** di UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Pahang.

1. **JAWATAN :** PROFESOR (GRED VK7)/ PROFESOR MADYA (GRED DM53)/ PENSYARAH KANAN (GRED DM51)/ PENSYARAH (GRED DM45)

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1.	PROFESOR	VK7	Pensyarah UiTM	RM 7,676.00	RM 20,592.00
2.	PROFESOR MADYA	DM53	Pensyarah UiTM	RM 6,162.00	RM 13,235.00
3.	PENSYARAH KANAN	DM51	Pensyarah UiTM	RM 5,855.00	RM 12,445.00
4.	PENSYARAH	DM45	Pensyarah UiTM	RM 3,070.00	RM 11,095.00
<p>Nota : Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)</p>					

**FAKULTI DAN BIDANG YANG DITAWARKAN BAGI JAWATAN PENSYARAH/ PENSYARAH KANAN/
PROFESOR MADYA/ PROFESOR**

AKADEMI/ FAKULTI	BIDANG
KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK	SAINS KOMPUTER

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

PENSYARAH UiTM

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM45

- (c)
 - (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau
 - (ii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,380.37).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51

- (d)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (c);
 - dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
 - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM51: RM5,855.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)

- (e)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (c);
 - dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
 - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM53: RM6,162.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT LANTIKAN

Syarat lantikan secara terperinci dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan yang diiklankan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pahang di <http://pahang.uitm.edu.my/v1/>

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI**.
2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut:
 - Kad Pengenalan
 - Sijil Kelahiran
 - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Trankskrip Akademik Terperinci)
 - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/ penetapan gaji
 - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
3. Pemohon-pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas/ Kelas Kedua Tinggi/ Mumtaz/ Jayyid Jiddan atau yang setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.
4. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
5. Nama bidang dan fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjurong atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
6. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **tidak akan diproses**.

